



LIABILITI

KURSUS PERAKAUNAN AKRUAN: KUMPULAN PELAKSANA





KANDUNGAN

- 1** OBJEKTIF TAKLIMAT
- 2** DEFINISI LIABILITI
- 3** CIRI-CIRI LIABILITI
- 4** PENGKELASAN LIABILITI
- 5** PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN
- 6** RUMUSAN



OBJEKTIF TAKLIMAT

- Memahami maksud liabiliti;
- Mengenalpasti perbezaan antara liabiliti semasa dengan liabiliti bukan semasa;
- Mengetahui tatacara merekod liabiliti; dan
- Menunjukkan bagaimana liabiliti didedahkan di dalam penyata kewangan.



DEFINISI LIABILITI

Obligasi yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dari entiti.

MPSAS 1: PRESENTATION OF FINANCIAL STATEMENT



APA ITU LIABILITI?


- ❑ Liabiliti adalah tanggungan yang wujud daripada:
 - . **Transaksi pembelian barangan secara kredit;**
 - . **Mendapatkan perkhidmatan secara kredit;**
 - . **Lebih penerimaan; atau**
 - . **Pembiayaan / pinjaman kewangan.**

- ❑ Liabiliti boleh terdiri daripada **orang perseorangan (pemiutang) atau institusi kewangan** yang memberi kemudahan kredit atau pinjaman.

- ❑ Pemiutang yang muncul daripada urusan pembelian barangan dan perkhidmatan secara kredit atau sebab-sebab yang lain dalam operasi biasa entiti dikenali sebagai **Akaun Belum Bayar (ABB).**



CIRI-CIRI LIABILITI





PENGGKELASAN LIABILITI

(a) Liabiliti Semasa

(b) Liabiliti Bukan Semasa



Liabiliti Semasa

- ❑ Tanggungan yang perlu dijelaskan dalam jangka masa pendek. (12 bulan)
- ❑ Liabiliti dikelaskan sebagai semasa sekiranya:
 - (i) Dijangka akan diselesaikan dalam kitaran operasi biasa; atau
 - (ii) Dijangka akan diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan



Contoh Liabiliti Semasa:

Akaun Belum Bayar

Hasil Terdahulu

Pinjaman Jangka Pendek

Peruntukan (*Provision*)

Wang Jaminan Pelaksanaan

Deposit Wad

Belanja Utiliti Terakru



Akaun Belum Bayar

- ❑ Merupakan satu bentuk obligasi (instrumen kewangan) yang terhasil daripada pembelian barangan atau perkhidmatan secara kredit.
- ❑ Contoh Perekodan ABB
 - . Hospital A mengeluarkan pesanan tempatan bernilai RM15,000 untuk perolehan bekalan ubat pada 21 Disember 20X5 daripada Syarikat Y. Bekalan diterima pada 30 Disember 20X5 dan pembayaran hanya dibuat kepada Syarikat Y pada 16 Januari 20X6.

30 Dis 20X5	Dt	Bekalan ubat-ubatan	15,000
	Kt	ABB – Syarikat Y	15,000

16 Jan 20X6	Dt	ABB – Syarikat Y	15,000
	Kt	Tunai	15,000



Hasil Terdahulu

- ❑ Hasil terima terdahulu adalah hasil yang mana bayarannya telah diterima tetapi barangan atau perkhidmatannya masih belum disempurnakan.
- ❑ Ia dikenali juga sebagai hasil belum terperoleh (Unearned Revenue).
- ❑ Ia dianggap sebagai liabiliti sehingga barang diserahkan atau perkhidmatan disempurnakan pada masa akan datang.



Hasil Terdahulu (samb..)

□ Contoh perekodan hasil terdahulu:

- Pada 1 Jul 20X5, SMK ABC telah menerima cek berjumlah RM12,000 bagi bayaran sewa kantin selama setahun.

01 Jul 20X5	Dt	Bank	12,000
	Kt	Hasil Terdahulu - Sewa Kantin	12,000
31 Dis 20X5	Dt	Hasil Terdahulu - Sewa Kantin	6,000
	Kt	Hasil - Sewa Kantin	6,000

* Pada 31 Dis 20X5, RM6,000 akan direkodkan sebagai hasil Terdahulu dibawah liabiliti semasa dan akan diiktiraf sebagai hasil dalam tahun 20X6.



Belanja Terakru

- ” Perbelanjaan tahun lepas atau tahun semasa yang belum dijelaskan.
- ” Diambil kira sebagai perbelanjaan semasa.
- ” Pengukuran pengiktirafan belanja terakru:

PT dikeluarkan	Barangan / Perkhidmatan diterima	Inbois / Bil diterima	Inbois / Bil direkodkan	Tindakan
√	-	-	-	Tidak diiktiraf
√	√	-	-	Diiktiraf sebagai belanja terakru
√	√	√	-	Diiktiraf sebagai belanja terakru
√	√	√	√	Tiada tindakan. Transaksi telah direkod.



Belanja Terakru (samb..)

- ” Pada 15 Disember 2015, Jabatan A telah membuat sewaan dewan daripada Syarikat X bernilai RM10,000. Walaubagaimanapun, bayaran hanya dijelaskan pada 15 Februari 2016.
- ” Catatan bergu:

15.12.15	Dt	Belanja Sewa	10,000
	Kt	Belanja Terakru - sewa	10,000
15.02.16	Dt	Belanja Terakru - Sewa	10,000
	Kt	Tunai	10,000

- ” Untuk tahun berakhir 31.12.2015, akan terdapat Sewa Terakru dibawah liabiliti semasa sebanyak RM10K dalam Penyata Kedudukan Kewangan



Liabiliti Bukan Semasa

- . Liabiliti yang dijangka akan dibayar lebih daripada satu tempoh perakaunan.
- . Ciri-ciri liabiliti bukan semasa:
 - (a) Satu obligasi dimana entiti terikat untuk melaksanakan tanggungjawab.
 - (b) kepada pihak diluar entiti
 - (c) hasil daripada transaksi masa lepas
 - (d) amaun yang dapat dipastikan
 - (e) ditunaikan selepas satu tempoh perakaunan daripada tarikh obligasi wujud.



Contoh Liabiliti Bukan Semasa:

Pinjaman Dalam dan Luar
Negeri

Pajakan


Bon

Pelan Pencen dan Ganjaran



PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 20X2 (CONTOH)

	20X2	20X1
	RM'000	RM'000
ASET		
Aset Semasa		
<i>Cash and cash equivalents</i>	x	x
<i>Recoverable from taxes and transfers</i>	x	x
Penghutang	x	x
Inventori	x	x
Bayaran terdahulu	x	x
Lain-lain aset semasa	x	x
Jumlah Aset Semasa (a)	x	x
Aset Bukan Semasa		
<i>Recoverable from taxes and transfers</i>	x	x
Penghutang	x	x
Pelaburan dalam entiti dikawal	x	x
<i>Investments in jointly controlled entities</i>	x	x
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	x	x
Lain-lain aset kewangan	x	x
Hartanah, mesin dan peralatan	x	x
Hartanah pelaburan	x	x
Aset tidak ketara	x	x
Lain-lain aset bukan semas	x	x
Jumlah Aset Bukan Semasa (b)	x	x
Jumlah aset (a) + (b) = (i)	x	x

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 20X2 (CONTOH – SAMB.)

	20X2 RM'000	20X1 RM'000
LIABILITI		
Liabiliti Semasa		
Pemiutang di bawah urusan pertukaran	x	x
Cukai dan pemindahan yang belum dibayar	x	x
<i>Provisions</i>	x	x
Pinjaman	x	x
Pelan pencen dan ganjaran	x	x
Jumlah Liabiliti Semasa (c)	x	x
Liabiliti Bukan Semasa		
Pinjaman	x	x
Pelan pencen dan ganjaran	x	x
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa (d)	x	x
Jumlah liabiliti (c) + (d) = (ii)	x	x
Aset bersih (i) - (ii) = (iii)	x	x
ASET BERSIH/EKUITI		
Modal yang disumbangkan oleh entiti kerajaan yang lain	x	x
Lebihan/(Defisit) terkumpul	x	x
Rizab	x	x
<i>Minority interest</i>	x	x
Jumlah aset bersih/ekuiti = (iii)	x	x



PENUTUP

LIABILITI ADALAH AMAT PENTING
DILAPORKAN UNTUK MENGETAHUI
SEBANYAK MANA TANGGUNGAN OLEH
KERAJAAN